

---

## KENYATAAN MEDIA KETIKA LAWATAN YB MENTERI KANAN KERJA RAYA KE SEKOLAH DAIF DI SARAWAK

---

**Kuching, Sarawak** - Pelaksanaan projek sekolah daif merupakan *touch point* kepada rakyat yang mana ianya melibatkan penggantian bangunan lama yang telah uzur dan tidak selamat. Projek ini akan memberi impak dan kesan yang besar kepada pelajar, guru dan ibu bapa di mana sekolah-sekolah tersebut mendapat bangunan baru yang lebih sempurna, selamat dan selesa.

Pemilihan projek sekolah daif ini adalah berdasarkan bangunan sekolah di mana keadaan fizikalnya tidak sempurna, tidak berfungsi, dan tidak selamat digunakan. Di dalam pemilihan projek sekolah daif ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggunakan tanda aras berdasarkan sistem skala iaitu skala 1 hingga 7 di mana skala 7 merupakan keadaan bangunan yang paling tidak selamat (tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat digunakan yang boleh mendatangkan ancaman/bahaya berbentuk kecederaan/kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia). Sekolah-sekolah tersebut telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada pihak JKR dan Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah.

Seperti yang diketahui umum, kaedah pembinaan projek menggunakan teknologi IBS atau *Industrialised Building System* mampu disiapkan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding kaedah konvensional. Sehubungan itu, bagi mempercepatkan pelaksanaan projek sekolah daif, sebahagian besar pembinaan bangunannya telah menggunakan kaedah IBS. Tempoh pembinaan yang ditetapkan bagi projek sekolah daif yang menggunakan kaedah IBS ini adalah antara 4 ke 6 bulan.

### **2019:**

Bagi tahun 2019, terdapat sebanyak 43 buah sekolah daif telah dilaksanakan dengan Peruntukan Pembangunan (P63) sebanyak RM128 juta. Daripada 43 sekolah tersebut, 8 buah di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM18 juta, 3 buah di Sabah dengan peruntukan sebanyak RM10 juta dan 32 buah di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM100 juta. Selain daripada itu, terdapat 19 buah sekolah daif di Sabah telah dilaksanakan dengan peruntukan PFI(II)A sebanyak RM78 juta. Projek-projek ini merupakan projek yang diluluskan dalam Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11).

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Sehingga kini, daripada keseluruhan 62 buah sekolah pada tahun 2019 yang dilaksana di seluruh negara, bagi Semenanjung Malaysia 7 buah sekolah telah siap dan 1 buah sekolah masih dalam pembinaan. Manakala di Sabah, 3 sekolah sedang dalam pembinaan dan 19 masih dalam penilaian tender. Sementara itu di Sarawak, daripada keseluruhan 32 sekolah iaitu yang melibatkan sebanyak 12 pakej, 16 buah telah siap, 14 buah sedang dalam pembinaan dan 2 buah lagi di peringkat perolehan. Projek menaiktaraf sekolah daif 2019 di Sarawak dibina masing-masing di daerah Betong, Saratok, Serian, Samarahan, Kapit, Julau, Bintangor, Tanjong Manis, Daro, Dalat, Kanowit, Limbang, Lawas, Bintulu Belaga, Baram, Subis Dan Miri.

### **2020:**

Bagi tahun 2020, di bawah Peruntukan Pembangunan (P63) sebanyak RM6.6 juta bagi 22 projek di Semenanjung Malaysia dan 65 projek di Sabah telah dilaksanakan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM226.5 juta. Kesemua projek tersebut telah diserahkan pelaksanaannya kepada JKR Negeri melainkan 3 projek di Sabah dilaksanakan sepenuhnya oleh JKR Malaysia.

Bagi Semenanjung Malaysia, 7 projek dijangka tender pada Julai 2020, di mana 3 projek masih menunggu keputusan Notice Of Change (NOC). Sementara itu, 11 projek di KIV disebabkan projek tersebut tidak memenuhi skop projek sekolah daif. Manakala, di Sabah 3 projek akan dilaksanakan oleh JKR Malaysia sepenuhnya secara konvensional perunding. Bagi 55 lagi projek di Sabah dijangka akan ditender secara berperingkat pada Julai hingga Oktober 2020. Terdapat juga projek sekolah daif yang melibatkan kerja penyelenggaraan sahaja iaitu 4 projek di Semenanjung Malaysia dan 7 projek di Sabah.

### **Projek RM1billion dan Projek Kritikal:**

Terdapat 2 lagi program sekolah daif yang bermula pada tahun 2019 iaitu Projek Sekolah Daif di Sarawak yang bernilai RM1 billion dan projek kritikal yang melibatkan 4 buah sekolah masing-masing 2 di Sabah dan 2 di Sarawak. Bagi Projek Sekolah Daif di Sarawak dengan peruntukan RM1 billion, KPM telah melantik JKR Sarawak sebagai agensi pelaksana dan dipantau sepenuhnya oleh KPM. Manakala bagi 4 projek kritikal, KPM telah melantik JKR Malaysia sebagai agensi pelaksana dan telah diserahkan kepada JKR Sabah dan Sarawak untuk pelaksanaannya.

YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan Infrastruktur – Menteri Kerja Raya turut melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Grogo di Bau, Kuching bagi melihat pelaksanaan projek sekolah daif yang dilaksanakan di sekolah tersebut.

## **KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**26 JUN 2020**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my